

## TANGGUNGJAWAB PESERTA SKIM MPCA

Peserta Skim MPCA adalah tertakluk kepada keperluan yang telah ditetapkan di bawah Skim MPCA. Berikut adalah senarai tanggungjawab peserta Skim MPCA:

- i. Memegang dan memelihara amanah yang diberi oleh Jabatan Pertanian supaya mengamalkan sistem pengurusan kualiti dengan menetapkan langkah-langkah fitosanitasi pada pengeluaran produk yang sekaligus menjaga kredibiliti konsainan yang dieksport;
- ii. Menyediakan tenaga kerja, fasiliti dan peralatan yang mencukupi;
- iii. Melaksanakan rawatan pasca tuai/ rawatan kuarantin dengan mengikut prosedur yang ditetapkan. Rawatan yang dijalankan perlu berkesan ke atas komoditi dan selamat kepada pekerja/ orang ramai;
- iv. Memastikan semua urusan syarikat mematuhi undang-undang yang sedang berkuat kuasa dan mempunyai lesen yang berkaitan seperti ditetapkan oleh skim;
- v. Memastikan pekerja menjalani latihan yang mencukupi bagi menjalankan kerja mengikut skop kerja yang ditetapkan;
- vi. Membuat permohonan pembaharuan pensijilan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh;
- vii. Memberi kerjasama kepada Jabatan Pertanian semasa pengauditan atau penyiasatan sekiranya terdapat apa-apa notifikasi, laporan atau keraguan berhubung dengan pematuhan skim;
- viii. Semasa pengauditan dijalankan, peserta perlu beroperasi dan bersedia dengan dokumen serta apa-apa keperluan lain yang ditetapkan oleh urus setia atau juruaudit yang dilantik; dan
- ix. Mengemaskini dan menyimpan salinan rekod dalam tempoh dua (2) tahun untuk diperiksa semasa pengauditan.